



# Majlis Ucaptama Tahunan Rektor 2005



**Majlis Ucaptama Tahunan Rektor** bagi tahun ini telah diadakan pada 26 Januari 2005 yang lalu di Dewan Warisan, Kangar, Perlis. Tema bagi tahun 2003 'Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya' terus dipilih bagi tema ucapatama pada tahun ini. Ia bagi meneruskan kesinambungan tema bagi tahun 2003 iaitu 'Bersama Membangunkan Sebuah Universiti'. Majlis telah dimulakan dengan perarakan masuk Y.Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dengan diiringi oleh Pegawai-pegawai Utama Universiti ke dalam dewan. Nyanyian lagu WAWASANKU (lagu rasmi KUKUM) membuka majlis dengan diiringi oleh seramai 30 ahli koir staf KUKUM dan diteruskan dengan bacaan ikrar Rukun Negara yang diketuai oleh Tuan Haji Huzili Hussin, Presiden Kelab Kakitangan KUKUM.

Dalam ucapatamanya yang setebal 29 muka surat, Y. Bhg. Dato' Rektor telah menyampaikan amanat, matlamat serta pesanan kepada warga KUKUM yang mana beliau banyak menekankan hala tuju dan kecemerlangan KUKUM dalam pelbagai aspek bagi tahun tersebut. Antara aspek yang menjadi agenda utama dalam ucapatama ini ialah Akademik dan Penyelidikan. Ini jelas kerana beliau banyak menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan peningkatan bilangan program akademik, pelajar, staf dan pelaburan ke atas makmal. Juga disentuh dengan panjang lebar mengenai penubuhan Unit Pengajaran dan Pembelajaran, E-Learning, Jemaah Pengurusan Akademik Kolej Universiti Teknikal (KUT), Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC), penyusunan semula Penyelidikan dan

Akademik serta penubuhan Unit Pengantarabangsa & Pengkomersialan. Begitupun, dalam amanatnya ini Y.Bhg. Dato' Rektor tidak melupakan peranan dan halatujunya pentadbiran Universiti ini yang mana memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam meningkatkan tahap perkhidmatan proses-proses utama di Universiti. Beliau juga turut menyatakan bahawa kejayaan hampir kesemua aspek pengurusan dan pentadbiran di KUKUM adalah bersandarkan kepada infrastruktur ICT yang teguh dan mantap. Y.Bhg. Dato' Rektor juga menyentuh mengenai peranan besar oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan juga unit-unit yang baru ditubuhkan iaitu, Unit Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (UKKP) dan Unit Kebudayaan & Rekreasi KUKUM.

Di penghujung ucapatama ini, Y.Bhg. Dato' Rektor telah memberikan nasihat kepada semua warga KUKUM terutamanya mengenai betapa pentingnya mempunyai sifat berhemah dan berjiwat cermat dalam penggunaan sumber seperti air, elektrik dan lain-lain. Beliau juga menyeru agar semua staf KUKUM, tanpa berkecuali bertindak sebagai pendidik, kerana baginya setia staf KUKUM mempunyai peranan tersendiri dalam proses menjana graduan cemerlang yang menjadi idaman semua. Tidak lupa juga kepada pelajar KUKUM, beliau menyarankan agar pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademiknya sahaja tetapi juga cemerlang budi pekerti dan tingkah lakunya.

Dalam majlis yang sama ini, turut diadakan Pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni Peringkat KUKUM. Pelancaran kempen ini diadakan bagi menyahut seruan kerajaan dalam menanam dan meningkatkan penghayatan warga KUKUM terhadap kempen yang sama yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sebelum itu. Juga dilancarkan pada majlis ini Sistem VIRTUA Perpustakaan KUKUM dan Sistem e-Kewangan oleh Jabatan Bendahari KUKUM. Dengan terlancarnya kedua-dua sistem ini, Y. Bhg. Dato' Rektor mengharapkan kualiti perkhidmatan yang boleh dijangka dari Perpustakaan dan Jabatan Bendahari akan lebih menyerlah lagi.

Majlis Ucaptama Tahunan Rektor 2005 ini telah dihadiri oleh seramai 600 tetamu yang terdiri dari staf KUKUM, Majlis Perwakilan Pelajar KUKUM dan juga wakil-wakil persatuan pelajar. Tutut hadir dan menyerikan majlis ialah Pengarah dan Pengetua IPT di negeri Perlis serta pihak media.